

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR: BEBERAPA PERMASALAHAN OBSESI POLITIK PENULISNYA

Hussain Mohamed ——————

Kemunculan dan keghairahan penerbitan buku-buku politik popular di Malaysia dewasa ini menjadi lebih menarik dan sentiasa berkeadaan terkini kerana para penulisnya menulis berdasarkan obsesi politik semasa. Tulisan ini bertujuan untuk pertamanya membincangkan persoalan tentang obsesi politik pada ciri-ciri penulisan buku-buku berkenaan secara umum, khususnya aspek popularitinya sebagai suatu kategori penerbitan; dan keduanya, berkenaan mesej serta perspektif perbincangan yang dikemukakan oleh para penulisnya. Aspek yang kedua ini juga dikira penting diberikan perhatian oleh sebab ada di antara kandungan serta mesej yang tersirat dan tersurat dalam karya-karya ini menimbulkan kontroversi dan tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu.

Pengenalan

Tulisan ini harus dimulakan dengan suatu sikap apologetik atas kemungkinan terlalu “mudah” dan “keterlaluan” untuk meletak dan melabelkan para penulis, lebih-lebih lagi para penulis buku-buku politik popular, sebagai “pemikir politik”. Istilah “pemikir” (*thinker*) adalah terlalu besar, terlalu sarat dengan nilai akademik dan ciri intelektual, apalagi ia seringkali pula dikaitkan dengan tradisi kesarjanaan dan dunia falsafah, sejak Socrates dan Plato sampai dewasa ini berbagai-bagai nama penulis lain yang dikagumi dan dihormati sebagai pemikir agung. Sedangkan rata-ratanya penulis yang menghasilkan buku-buku politik popular dalam bahasa Melayu di Malaysia sejak dua tiga dekad yang lalu barangkali adalah “cukup kerdil” dan belum boleh dilabelkan sebagai sarjana ulung dan ternama. Dengan itu buat masa ini, mereka lebih sesuai dan terhormat untuk dikenali sebagai “penulis politik popular” sahaja.

Walaupun begitu, adalah sesuatu yang menarik dan bermanfaat untuk memberikan perhatian dan penghargaan tertentu terhadap karya-karya ilmiah dan semi ilmiah serta popular terhadap perkembangan politik kepartian di Malaysia. Pertamanya haruslah diakui bahawa di samping kegiatan kajian dan penulisan ilmiah, hari ini terdapat ratusan penerbitan semi ilmiah serta popular tentang politik Malaysia. Bilangan tulisan semi ilmiah dan jurnalistik ini, sebagaimana yang pernah dibincangkan sebelum ini (Hussain, 1993) adalah jauh melebihi bilangan karya ilmiah.

Wajar juga disebutkan di sini bahawa sebilangan penulis-wartawan ikut terdorong menghasilkan karya-karya demikian setelah mendapat betapa buku rakan wartawan mereka iaitu Subky Latif, *Siapa Selepas Tun Razak?* (1975), yang ketika itu bertugas di akhbar *Utusan Melayu* "mendapat sambutan" yang cukup memuaskan semata-mata kerana berlakunya "kemelut kepimpinan dalam UMNO" akibat kematian Tun Abd. Razak di luar dugaan. Tulisan Subky yang mengutarakan sebilangan tokoh dalam parti berkenaan dalam bukunya itu telah sedikit banyak mempengaruhi pemikiran politik orang ramai berhubung dengan penerusan kepimpinan UMNO. Karya Subky selepas itu, *Suka Duka Politik Tun Razak* (1976) boleh dikira berjaya menerokai suatu corak penulisan terkini dan popular perseimbahannya berkenaan politik Malaysia; dan buku-buku yang dihasilkan beliau misalnya *Siapa Ketua Pemuda UMNO?* (1977) yang ditulis bersama Chamil Wariya juga mendapat sambutan atas haluan dan perkembangan politik kepartian yang sama. Subky dewasa ini masih meneruskan kerja penulisannya dengan menjadi kolumnis di akhbar *Harakah* di samping bergiat dalam kepimpinan parti PAS.

Sementara Chamil Wariya, seorang yang berkelulusan sarjana dalam bidang Sains Politik itu telah berjaya menghasilkan beberapa buah buku politik yang ditulis secara jurnalistik dan popular walaupun tersirat di dalamnya ciri-ciri keilmuan dan ilmiahnya yang tertentu, dan kurang wajar untuk dikategorikan dalam penulisan popular yang biasa.

Walau bagaimanapun, yang ingin disebutkan di sini adalah tentang kehadiran dan kesungguhan tulisan semi ilmiah dan popular ini nampaknya jauh lebih terkhadapan daripada hasil kerja ilmiah itu sendiri, baik dari segi ketebalan muka suratnya ataupun bilangan perhatian dan menjadi bahan tulisan demikian, mungkin oleh penulis-penulis yang berbeza.

Satu perkara lagi yang perlu disebutkan di sini adalah kemunculan buku-buku politik popular ini menjadi lebih pesat dan pelbagai dengan menjelangnya pilihan raya umum, dan lebih-lebih lagi persidangan agung tahunan UMNO. Ahmad Lutfi Othman misalnya mengakui bahawa karyanya, *Anwar-Mahathir: Krisis* (Julai 1994) dan seterusnya, *Susulan Krisis Anwar-Mahathir: Buku Bertemu Ruas* (Nov. 1994), telah disiapkan pada hari pertama persidangan agung UMNO 1994. Berdasarkan perakuan ini, maka usaha penerbitan karya-karya popular ini sekaligus juga memperlihatkan bahawa satu-satunya sasaran pembaca yang dikira cukup istimewa bagi karya-karya popular ini ialah para perwakilan serta pemerhati yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam persidangan berkenaan.

Terlepas daripada beberapa persoalan yang disebutkan di atas, satu hakikat dalam hal ini ialah kehadiran dan penerbitan buku-buku politik popular di negara ini bukanlah sesuatu yang boleh dikesampingkan begitu sahaja. Hakikat ini menjelaskan bahawa karya-karya popular ini sesungguhnya merupakan suatu manifestasi pada sesuatu obsesi tertentu yang diyakini oleh para penulisnya sehingga setiap satunya, walaupun mempunyai ciri-ciri ilmiah yang serba lemah, namun mempunyai visi dan imbauan tertentu para penulisnya.

Tulisan ini merupakan suatu percubaan untuk membincangkan dan memerihalkan beberapa persoalan berhubung obsesi atau keghairahan yang tersurat dan tersirat dalam

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR

karya-karya politik popular itu. A. Rahman Zainuddin, sarjana dalam bidang politik Islam di Indonesia telah menggunakan konsep obsesi ini dalam huraihan dan ulasannya terhadap buku Niccolo Machiavelli yang tersohor, *The Prince* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan Indonesia sebagai *Penguasa*. A. Rahman telah menjelaskan bahawa obsesi itu sebagai "...jenis pemikiran yang mencekam di benak si pemikir itu sepanjang waktu, kerana menganggap masalah itu amat dominan dan amat penting dibandingkan dengan yang lain-lain, sehingga jarang sekali ia dapat melepaskan diri daripadanya..."(1989).

Jenis dan bentuk pemikiran itu menjadi asas penting dan terpancar dalam karya-karya seorang pemikir dan ahli falsafah politik. Misalnya, Machiavelli sendiri melalui karya-karya klasiknya itu berhasrat untuk melihat kembali kukuhnya sebuah negara Itali di bawah kepimpinan seorang penguasa atau pemerintah yang kuat, dan bukannya sebuah negara yang berpecah-belah dan lemah dengan mempunyai beberapa buah kerajaan kecil yang saling bercakaran antara satu sama lain. Dilihat dari perspektif obsesi itu, maka A. Rahman merumuskan bahawa:

"...Ia (Machiavelli) akan nampak sebagai seorang yang bukan memuja kekuasaan demi untuk kekuasaan. Ia bukan seseorang yang malu untuk mengorbankan moralitas dan agama untuk kepentingan kekuasaan. Apa yang diinginkannya hanyalah realisasi dari obsesinya, iaitu persatuan dan kemegahan Itali. Kekuasaan baginya tidak lebih dari suatu mekanisme untuk merealisasikan apa yang diidam-idamkannya itu...".

Sekiranya aspek obsesi ini diabaikan atau diambil mudah begitu sahaja, maka selamanya Machiavelli dikenali sebagai seorang yang cukup keras pandangan politiknya dengan doktrin **tujuan menghalalkan cara** itu sentiasa menjadi momokan dan menghantui tanggapan terhadapnya. Sedangkan anjuran dan pandangan politiknya bertujuan untuk mengatasi kebuntuan dan kemalapan politik negaranya sendiri pada zaman karyanya itu dihasilkan (Mohd. Kamlin, 1986:98-103).

Obsesi atau keghairahan yang diberikan tumpuan dalam tulisan ini mengambil kira bahawa sikap penulis dan ciri-ciri yang tersirat pada karya-karya popular ini tidak hanya memaparkan minat, sikap dan pendirian politik penulisnya secara peribadi, bahkan karya-karya itu berperanan sebagai suatu saluran penyuaran politik (*political articulation*) berdasarkan keyakinan politik penulisnya. Adunan daripada segala anasir ini menyebabkan karya-karya popular ini bukan sahaja mempunyai dimensi komersilnya, dalam erti kata menghasilkan pendapatan dan menjadi kerjaya penuh masa pada penulisnya, bahkan ada antaranya yang sekaligus memainkan peranan sebagai alat propaganda politik bagi kepentingan individu dan parti politik tertentu, baik yang berkuasa ataupun yang menjadi pihak pembangkangnya.

Lebih daripada itu, keghairahan dan iltizam yang dinyatakan ini menjadi lebih istimewa lagi oleh sebab penerbitan itu sendiri sebenarnya berhadapan dengan beberapa risiko tertentu pula. Antara cabaran yang perlu dihadapi ialah tindakan undang-undang dan peraturan awam untuk tidak membenarkan sesebuah penerbitan yang dikira memfitnah dan menghina seseorang ataupun yang dianggap boleh mengancam keselamatan. Pengharaman dan larangan pengedaran ini tidak hanya dimaksudkan pada buku-buku atau politik popular dan *memoirs*, bahkan juga ada di antaranya yang ditulis oleh kalangan para sarjana. Barangkali tidak banyak masalah dan kerugian wang ringgitnya pada buku-buku ilmiah yang ditulis

dalam bahasa Inggeris kerana pemasarannya masih ada di luar Malaysia. Tetapi apabila melibatkan buku-buku popular tempatan yang ditulis dalam bahasa Melayu, ia pasti menempuh kerugian dan tidak mungkin mempunyai pasaran di luar negeri. Tegasnya, rata-ratanya karya politik popular itu tidak lebih hanyalah untuk pembaca tempatan sahaja.

Kerenah dan Risiko Penulisan Popular

Sesebuah buku dan karya lazimnya menjadi terkenal kiranya ia mengandungi pandangan dan analisis penulisnya yang dianggap kontroversi dan provokatif, malahan bukan sedikit yang menyenggung peribadi dan perasaan seseorang tokoh atau kumpulan politik yang ditulis itu. Apa yang biasanya berlaku ialah semakin provokatif, dan semakin hebat kritikan dan kecaman dibuat terhadap karya itu, ia semakin menarik minat untuk dibaca oleh orang ramai.

Sekiranya ia tidak diharamkan oleh pihak berkuasa atau dikenakan tindakan mahkamah, usaha dan gaya penulisan begini boleh terjadi dan dilakukan sedemikian rupa oleh ramai penulis popular untuk mlariskan karya mereka. Demikianlah, dalam tahun 1987 lalu, buku politik popular karya Syed Hussein Al-Attas Al-Nujum berjudul *Challenger* telah didapati mengandungi fitnah dan tuduhan sebarang yang mencacatkan nama baik mereka dan imej politik Datuk (sekarang Tan Sri) Musa Hitam. Akibatnya Mahkamah Tinggi telah mendapati penulis buku berkenaan bersalah dan beliau dikenakan denda sebanyak RM100,000 (*Watan*, 23 Ogos 1990). Buku yang juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris itu tidak dimasukkan sebagai bahan larangan daripada edaran, tetapi cukup sukar untuk diperoleh. Hukuman demikian tampaknya tidak pula meredakan usaha penulis berkenaan, dan juga ramai lagi penulis lainnya, untuk menghasilkan beberapa karya lain yang tidak kurang provokatif dan kontroversialnya, dalam tahun-tahun berikutnya.

Antaranya, sebuah buku popular lain oleh S. Hussein Al-Attas yang diberi judul, *Lima Raja Terakhir* (Julai, 1990) juga telah menimbulkan kontroversi. Karya yang diterbitkan di tengah-tengah kegawatan berkenaan dengan isu imuniti raja-raja Melayu ini menjadi isu oleh sebab ia dianggap oleh parti Semangat 46 sebagai menghina dan menjatuhkan martabat raja-raja Melayu, sehingga ia dilaporkan telah “diadukan” untuk diberikan perhatian dalam persidangan Majlis Raja-raja Melayu (*Mingguan Kota*: 23 Sept. 1990).

Sementara itu, terdapat kes karya-karya popular ini pernah digunakan dengan seluas-luasnya dalam kempen pilihan raya (Hussain, 1993). Dalam satu kes didapati sekurang-kurangnya dua buah buku politik popular iaitu yang ditulis oleh Shafie Nor berjudul, *Dosa-dosa Tengku Razaleigh* (1990) (diikutinya kemudiannya dengan *Pekong PAS*, 1990) dan yang kedua, hasil karya Ruhanie Ahmad, *Melayu Lawan Melayu* (Mei, 1990) telah diedarkan secara percuma kepada petugas dan orang-orang tertentu dalam kawasan undi Parlimen Gua Musang dalam pilihan raya umum tahun 1990. Karya Shafie yang dicetak mewah berharga RM14.50 mengandungi berbagai-bagai bentuk “pendedahan” dan rakaman gambar-gambar yang dianggap pembelian yang membazir oleh musuh Dr. Mahathir itu selama beliau menjadi Menteri Kewangan (1976 - 84). Sementara karya Ruhanie pula, tidak terlepas daripada propaganda politik UMNO yang dilihatnya, mengesali keburukan yang terjadi akibat perpecahan UMNO dan orang Melayu dalam konteks persaingan antara UMNO dengan Semangat 46.

Sebuah buku lain iaitu *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti* (Nov. 1990) karya Ahmad Sayuti Omar telah dijual dengan begitu laris dan menjadi bahan kontroversi sewaktu saat-saat akhir kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO dalam persidangan agung UMNO tahun 1990. Oleh sebab kandungan buku ini menggariskan beberapa kelemahan dan aspek

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR

negatif berkenaan dengan Anwar Ibrahim yang pada masa itu mengosongkan kerusi pimpinan Pemuda UMNO untuk bertanding merebut salah sebuah daripada tiga kerusi Naib Presiden UMNO, maka buku itu menjadi bahan popular untuk pihak tertentu berkempen menyanggahi “kemaraan” pengaruh tokoh “baru” dalam UMNO itu. Sungguhpun Anwar berjaya memenangi kerusi berkenaan, sebilangan perwakilan UMNO nampaknya memberikan perhatian yang berat terhadap beberapa dakwaan tertentu yang terkandung di dalam buku ini. Malahan ada yang menggesa agar penulisnya diseret ke mahkamah. Tindakan ini tidak dilakukan, tetapi polemik tentang buku ini telah mendedahkan bahawa ia dihasilkan akibat rasa kecewa penulisnya dalam berurusan dengan Menteri berkenaan (Daud Ibrahim, 1991: 50; Mat Zaman, 1991; Sayuti Omar, 1991).

Seorang lagi penulis buku popular yang pernah terseret ke mahkamah ialah Allayarham Ahmad Mokhtar, seorang aktivis Semangat 46. Beliau dilaporkan telah meminta “ganti rugi” lebih RM150,000 untuk tidak mengedarkan buku yang ditulisnya, berjudul *Skandal Datuk Najib Tun Razak* (1989) dan kes berkenaan telah dibawa ke Mahkamah atas pertuduhan peras ugut (*Utusan Malaysia*, 26 Jun 1991). Sehingga hari ini, kes berkenaan tampaknya telah dilupakan begitu sahaja dan kebetulan sekali penulisnya telah meninggal dunia.

Persoalan Terkini dan Penulisan Popular

Satu perkara yang patut diberikan perhatian dalam membincangkan karya-karya popular ini ialah berkenaan kelainan tertentu pada persempahan penulisan ilmiah berbanding dengan penulisan popular. Persoalan ini barangkali boleh menjawab kenapa karya-karya popular itu lebih mendapat perhatian, sekurang-kurangnya dari segi sumbangan mereka dalam khazanah penulisan sesebuah negara, berbanding dengan yang dihasilkan oleh para sarjana dan ilmuwan.

Lazimnya karya-karya ilmiah lagi saintifik diusahakan dan diterbitkan melalui beberapa tahap dan proses penciptaan tertentu. Ia bermula daripada perancangan cadangan kajian, penentuan masalah kajian serta hipotesis dan teori serta konsep yang akan digunakan, penjadualan kerja penyelidikan, perincian terhadap metodologi, penentuan kerja lapangan atau kajian kepustakaan, pemprosesan data dan seterusnya kepada penulisan bab demi bab sebagaimana yang lazimnya dilakukan oleh seseorang sarjana atau penyelidik akademik.

Dengan itu, kerja ilmiah bukan sahaja memakan masa, bersifat empirikal, objektif dan teoritikal, bahkan perlu sekali berpegang pada prinsip saintifik dan ilmiah, iaitu tanpa prasangka, non partisan dan bersedia untuk dikritik dan ditimbun-tambah sumbangan keilmuan pada apa yang dikaji itu. Kerja begini bukan sahaja rumit, perlu dilakukan dengan saksama bahkan memerlukan jangkauan dan proses rujukan yang wajar agar segala maklumat yang dikumpul dan dianalisis itu dapat dipertahankan sebagai penemuan-penemuan yang jitu dan jelas, bukan dibaluti sentimen, ramalan dan emosi peribadi penyelidiknya yang sebarang sahaja. Faktor yang lebih popular disebut sebagai *value free* dalam hubungan ini adalah yang terpenting untuk diberikan perhatian. Sungguhpun ciri objektiviti ini adalah sesuatu yang unggul dan sukar untuk dicapai dalam banyak kajian ilmiah, namun hakikatnya ialah penyelidik dan penulisnya tidak perlu meracau, merapu dan memperkatakan perkara-perkara pinggiran daripada isu utama yang dijadikan kes kajian.

Namun, keadaan ini seringkali menyebabkan karya-karya ilmiah itu dikatakan menjadi kaku dan statik yang hanya diberikan perhatian oleh para sarjana dan golongan akademik semata-mata. Barangkali dalam hubungan ini, wajar juga diperhatikan pandangan Azeem Aras, seorang kolumnis: "...*Buku-buku politik yang berbentuk akademik sukar untuk dijual ... penulisan ini juga selalunya 'dry', tidak begitu menarik untuk dibaca ... buku-buku politik lebih senang dibaca yang berbentuk popular...*" (*Media Islam*: 18 April 1993). Malahan tidak kurang dari itu, saratnya istilah dan *jargon* bahasa akademik yang digunakan itu juga sering kali menjadi hambatan dan turut mengcewakan orang awam untuk memahami sesuatu tulisan akademik dengan baik.

Bentuk penulisan dan penerbitan popular bukanlah suatu perkembangan baru dalam dua komunikasi massa. Sebagai suatu tradisi ia telah berkembang dalam konteks penerbitan novel-novel sejak abad kelapan belas, iaitu dalam kumpulan novel-novel ringan, picisan, pinggiran dan yang disifatkan sebagai penerbitan *less-cultured* dan *non-elitist* dengan sasaran pembacanya lebih umum, bersifat massa, dan tentu sahaja untuk semua orang.

Sebagai suatu kesinambungan dari itu, konsep penulisan buku-buku politik popular ini umumnya banyak dipengaruhi, dan berkembang daripada, proses pemberitaan dan pelaporan berita dalam media massa walaupun keperluan dan tujuannya berbeza. Pelaporan berita dalam akhbar misalnya bukan sahaja ringkas, padat, tepat dan pelbagai, tetapi juga untuk sasaran pembaca daripada pelbagai kalangan dan golongan. Perkembangan dan kemunculan, silih berganti, akhbar-akhbar tabloid Melayu dalam dua tiga dekad yang lalu tidak sahaja menjadi gelanggang penulisan berita dan berita rencana (*feature writings*) serta polemik karya-karya popular ini, bahkan juga mengembangkan bakat ramai jurnalis untuk terus menulis dan melibatkan diri dalam penulisan dan penerbitan buku-buku demikian. Pengalaman kerja, konteks serta kesempatan mereka bergaul dengan tokoh-tokoh politik dalam urusan kewartawanan mereka menjadi sebahagian penting dalam kaedah pengumpulan maklumat dan bahan penulisan ini.

Dalam hubungan ini, persoalan yang seringkali ditimbulkan tentang buku-buku dalam kategori adalah tentang gaya penulisan serta habuan atau hasil diperoleh daripadanya. Premis umum terhadap penulisan buku-buku begini ialah bentuk penulisan bukan-akademik. Dalam keadaan demikian, ia tidak lain daripada bentuk penulisan yang jurnalistik dan popular serta komersil sifatnya. Penulisan demikian pula mudah sekali dijangkiti dan dipengaruhi unsur-unsur sensasi, emosi, sentimen dan berpihak (*partisan*) sehingga ia secara dirancang ataupun sebaliknya, dapat memainkan peranan sebagai saluran terhadap pernyataan obsesi dan keyakinan politik peribadi serta luahan rasa penulisnya terhadap berbagai-bagi isu dan permasalahan politik semasa.

Hakikat ini pernah dinyatakan misalnya oleh Yahaya Ismail, seorang penulis kontroversial dalam kategori karya demikian:

...Bilamana seorang penulis mengkritik kepimpinan negara ia tidak bermaksud untuk menumbangkan kerajaan. Ia tidak punya kuasa dan massa rakyat untuk berbuat begitu. Dia hanya ingin menggugah dan menyedarkan penguasa dan rakyat tentang isu-isu semasa yang dianggap boleh mengugat kesejahteraan umum, nilai-nilai keadilan serta hak dan kebebasan rakyat. Ia memohon tindakan positif dan menyeru pihak penguasa agar segala keburukan dan kelemahan dalam pimpinan dibaiki demi kepentingan pihak penguasa sendiri

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR

dan juga rakyat terbanyak. Itu tugas penulis nombor wahid,
dan itulah amal jariahnya untuk masyarakat dan
kemanusiaan... (1994:6)

Sekaligus obsesi, suasana serta peranan yang diperihalkan ini membayangkan pula bahawa pada tahap dan hadnya yang tertentu, terdapatnya kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat dalam masyarakat Malaysia dewasa ini. Memang terdapat dari semasa ke semasa penerbitan akhbar digantung atau diharamkan terus. Demikian juga kadangkalanya penulis dan kehadiran karya-karya ini kurang disenangi, dan pernah ada antaranya “mendapat perhatian” dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan malahan mesyuarat mingguan Kabinet sendiri.

Sebenarnya cukup sulit untuk membayangkan bahawa buku-buku begini akan ditulis sedemikian rupa kiranya risiko pengharaman jualan dan jaminan berkarya dan hak menulis sentiasa menghantui para penulisnya itu. Golongan penulis ini sebenarnya masih bernasib baik kerana di bawah kepimpinan Dr. Mahathir sejak tahun 1981 sehingga dewasa ini sebenarnya masih belum terdapat kes sesebuah penerbitan popular begini telah dirampas dan diharamkan pengedarannya dalam pasaran (cf. Zanuddin Maidin, 1994). Sedangkan yang lebih jelas berkembang ialah banyak isu dan peristiwa politik yang berlaku itu menjadi bahan penulisan popular di kalangan para wartawan atau penulis bebas itu.

Masalah Pelabelan Penulis Politik Popular

Terlepas daripada permasalahan seperti ini, kita juga sering membaca di dalam akhbar, khususnya akhbar tabloid, berkenaan dengan kritikan, polemik serta ulasan berhubung dengan status para penulis dan karya-karya popular begini. Apa yang agak menarik dalam hal ini ialah status dan label yang dikemukakan oleh mereka sendiri. Ada yang mengkategorikannya sebagai “*penulis hantu*”, “*penulis tajaan*” dan yang seumpamanya. Malahan Datuk Seri Dr. Mahathir serta Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri pernah melabelkan penulis begini sebagai, “...*penulis yang sanggup menjual diri...*” (*Mingguan Malaysia*, 25 April 1993) untuk menulis buku-buku berkenaan. Ertinya penulis ini bersedia untuk diupah atau menerima upahan tertentu asalkan sahaja bersedia untuk menghasilkan karya-karya kontroversial ini. Pentrafan demikian telah dinasikan dengan kerasnya oleh beberapa orang penulis berkenaan melalui buku-buku mereka.

Konsep “*penulis hantu*” atau apabila penulisnya “menyembunyikan” identitinya yang sebenar, termasuk menggunakan “nama samaran”, memang sekali sekala terdapat dalam kegiatan penerbitan buku-buku popular ini. Tetapi hal ini tidak semestinya menjadikan mereka sebagai “*penulis upahan*”.

Dalam keadaan demikian, adalah tidak adil untuk seterusnya menyamakan penulis-penulis buku ini dengan penulis-penulis “*surat layang*” (*flying letters*) yang pada namanya sahaja pun sudah jelas menunjukkan anasir “hantu” dan “penyamaran” itu. Penulis-penulis yang dianggap (menganggap diri mereka sendiri) “kontroversial” malahannya merasa “bangga” dengan label demikian, dengan citra demikian dikira menjadi suatu pelaris pada buku-buku yang ditulis itu.

Sehubungan ini, penulis-penulis popular ini dikira lebih berani, lebih telus dan lebih bersedia menanggung risiko kiranya karya mereka itu menyebabkan mereka diseret ke mahkamah misalnya. Ataupun dalam menghadapi untung-rugi dalam sejumlah tertentu

pembentukan kos percetakan dan penerbitan yang perlu ditanggung mereka sendiri (Tarmizi Mohd. Jam, 1993). Atau bersedia menerima kesilapan terhadap ketak tepatan pada "ramalan-ramalan politik" yang kerap dikemukakan dalam tulisan-tulisan mereka.

Pada sebilangan orang, sikap ini sesungguhnya dikira lebih *gentlemen* berbanding sebilangan sarjana yang walaupun memang melakukan kajian lapangan di beberapa tempat di negara ini, tetapi dalam laporan kajian yang diterbitkan kemudinnya, segala nama tempat dan responden atau pelaku-pelaku politik yang dikaji itu dibincangkan dengan menggunakan nama-nama samaran (*pseudo-names*). Kecenderungan begini kononnya perlu dilakukan untuk menjaga nama baik dan keselamatan tempat dan pihak yang dikaji itu. Atau ada yang sengaja melakukan manipulasi angka dan peratusan tertentu pada laporan kajian mereka walaupun memang diketahui paras ralat yang minimum memang tidak dapat dielakkan.

Sesungguhnya "kurang tepat" untuk menganggapkan bahawa semua penulis buku-buku politik popular itu sebagai "penulis upahan". Ia sukar untuk dibuktikan sementara tidak juga mudah untuk dikesan apakah sesebuah karya itu sememangnya mendapat penajaan dan upahan daripada seseorang tokoh atau pemimpin tertentu. Namun hal ini tidak pula menafikan kemungkinan penulis yang merasakan dirinya tersisih dan tidak mendapat habuan dan faedah politik yang sepatutnya, dikatakan akan bertindak, dengan "sentimen melulu" menggunakan mata pena mereka untuk menulis berbagai-bagai keburukan tokoh atau pihak yang dianggap, menjadi batu penghalang cita-cita politik dan ekonomi peribadinya (Supardi M. Noor:1990). Sebaliknya, mereka yang pernah mendapat habuan akan bertindak untuk mencadangkan mana-mana tokoh atau yang biasa disebut membina "*kultus peribadi*" seseorang tokoh yang pernah berbudi padanya. Atau setidak-tidaknya karya popular ini boleh dikira menguntungkan seseorang di samping merugikan yang lain.

Sehingga hari ini memang terdapat seorang dua penulis buku popular yang terjebak dalam keadaan demikian dan telah mengubah haluan dengan memprojekkan imej positif pada tokoh dan pemimpin yang pernah digambarkan dengan segala bentuk keburukan dan kerakusan kuasa. Perubahan sikap dan sentimen politik yang demikian telah menyebabkan kredibilitinya sebagai seorang penulis bukan sahaja tidak disenangi oleh rakan-rakan penulis yang lain, bahkan beliau menjadi bahan ketawa oleh banyak pihak yang prihatin dalam pergolakan politik itu. Satu misalan menarik dalam hal ini ialah Yahaya Ismail. Sejak sekian lamanya beliau terkenal sebagai pengkritik sastera dan dalam dunia penerbitan buku-buku politik popular, beliau juga dikenali sebagai penulis politik yang cukup lantang dengan kritikan dan ulasan-ulasan tajam melalui kolumnya dalam akhbar tabloid *Mingguan Kota* serta beberapa buah buku politik popularnya terhadap kepimpinan Dr. Mahathir. Sebut sahaja tulisan beliau, daripada cerpen satiranya yang kontroversial yang dikatakan jelas membayangkan tanggapan negatif beliau terhadap kepimpinan negara yang diberi judul "Maharaja Beruk" sehingga kepada buku-buku politiknya. Buku-buku *Siapa Presiden UMNO 1987: Mahathir-Tengku Razaleigh?* (Feb 1987), *Politik UMNO: Melayu Tergugat* (Ogos 1987), *Dilema Mahathir* (Sept. 1988), *Mengapa UMNO Baru Tergugat?* (Nov. 1989) dan juga *Perpaduan Ummah: Semangat 46 dan PAS* (1990) cukup sarat dengan pemujaan beliau terhadap tokoh-tokoh yang menjadi pencabar Dr. Mahathir. Bukan itu sahaja, malahan melalui bukunya, *Anwar Ibrahim: Antara Nawaitu dan Boria* (1992), Yahaya juga telah menghalakan tohmannan dan kritikan pedas beliau terhadap Anwar Ibrahim. Tetapi keadaan menjadi sebaliknya dalam tahun 1993 apabila Yahaya telah mengubah sikap dan persepsi politiknya. Melalui bukunya yang diberi judul *Majlis Tertinggi UMNO '93 : Yang Timbul &*

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR

Yang Tenggelam (1993) dan seterusnya, *Revolusi Mental Mahathir* (Jan. 1995) beliau telah mengubah obsesi politiknya itu dan memihak kepada kedua-dua pemimpin utama UMNO tersebut.

Perubahan ini, bagaimanapun, dinyatakannya secara sedar olehnya betapa “...sebagai seorang pengarang, tujuan utama dalam penulisan ialah mencari kebenaran dan menyatakan yang hak...” (Yahaya, 1994), dan kerana itu, beliau merakamkan bahawa, “...Memang Mahathir juga ada kelemahannya sama juga dengan para pemimpin lain dari parti-parti yang lain. Tapi bila diberi penilaian dan pertimbangan yang objektif tanpa prasangka terhadap kepimpinan Mahathir; ternyata Mahathir lebih unggul sebagai pemimpin politik negara dan dunia pada dekad ini...”.

Selanjutnya beliau juga menyebutkan, “...Saya bebas dari mana-mana parti politik. Kalau kini saya memuji kepimpinan Mahathir dan Anwar Ibrahim, maka itu hasil dari pengamatan dan penilaian saya yang peribadi dan ikhlas. Yang benar mesti dinyatakan kebenarannya. Itu sikap saya...”. (Yahaya, 1993: 1 & 2).

Perubahan sikap beliau ini, bagaimanapun menimbulkan pula tohmahan tertentu sehingga ada yang menganggapnya betapa ...murahnya harga penulis politik... sebagaimana yang disebutkan oleh Ahmad Lutfi Othman dalam tulisannya, *Operasi Nyah 2* (Okt.1993).

Beberapa orang penulis lain, sehingga ini, bagaimanapun memperlihatkan obsesi politik tertentu berdasarkan pengamatan yang lebih konsisten dan jelas dalam banyak karya yang dihasilkan. Seorang daripadanya yang boleh diberikan perhatian dalam hal ini ialah Ahmad Lutfi Othman, seorang bekas pemimpin pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang dilaporkan “tidak tamat” pengajiannya oleh sebab sibuk dengan kepimpinan dan politik pelajarnya, dan beliau sendiri pernah menjadi tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Sungguhpun beliau pernah bertugas dengan akhbar *Harakah* yang dikuasai PAS dan banyak memperlihatkan simpatinya terhadap parti berkenaan melalui karya-karyanya itu, namun beberapa analisis dan pengamatan beliau terhadap perkembangan dan pergolakan dalam pucuk kepimpinan UMNO kebelakangan ini khususnya boleh dikira sebagai wajar dan menarik.

Karya beliau yang pertama dalam kategori penulisan popular ini diberi judul *Selepas Mahathir-Peluang PAS* (1992) telah diikuti dengan tidak kurang daripada lima buah karya lain dalam tempoh kira-kira tiga tahun. Buku-buku beliau yang lain, antaranya *Anwar Lawan Ghafar?* (1992), *Memo Buat Bakal PM* (1993), *Anwar Salah Pilih* (1993) dan beberapa yang lain memperlihatkan keprihatinan beliau terhadap penglibatan dan kedudukan Anwar Ibrahim sebagai bekas pemimpin pelajar yang meningkat cepat dalam politik UMNO dan kepimpinan negara. Beberapa buah buku popular yang disebutkan ini memberikan ulasan serta perhatian istimewa sekitar pergolakan yang berlaku dalam kepimpinan UMNO tahun-tahun kebelakangan.

Sebagai seorang bekas aktivis pelajar yang berminat dengan perkembangan politik semasa, Ahmad Lutfi pernah menjelaskan bahawa segala kritikan dan ulasan beliau terhadap pemimpin-pemimpin seperti Anwar Ibrahim itu adalah bertujuan untuk membetulkan apa juga kesilapan dan kemungkaran yang mungkin dilakukan oleh tokoh berkenaan yang dimaklumi cukup berpengaruh dan benar-benar menjadi suatu manifestasi kekuasaan politik orang Melayu masa ini. Beliau sebenarnya menyedari bahawa politik sekarang adalah tertumpu pada Anwar Ibrahim dan generasi Anwar Ibrahim yang berkuasa dan menerajui apa jua bidang kehidupan di negara ini (cf. Hussain Mohamed, 1993b). Walaupun begitu, Ahmad Lutfi telah merakamkan pandangannya dalam salah sebuah buku popularnya itu bahawa:

... Surat khabar tidak boleh diharap lagi. Anwar dah kontrol habis. Tulisan yang menegur dan mengkritik Anwar amat diperlukan, hatta oleh Anwar sendiri, mungkin di bawah sedarnya... bagi memastikan Anwar tidak hilang punca dengan sokongan hebat terhadapnya. Anwar sendiri waktu dalam ABIM dulu sentiasa membawa cerita Saidina Umar yang ditegur dengan mata pedang. Itu Umar, orang yang dijamin masuk syurga. Ini Anwar, apalah hebatnya di sisi Allah jika dia menolak keadilan...

(1993:71)

Persoalannya di sini apakah sikap ini menjadi pegangan pada kebanyakan penulis untuk menyatakan obsesi politik mereka? Apakah mereka ini bersikap melempar batu sembunyi tangan? Mereka memerihal dan memaparkan bermacam-macam keburukan, tetapi anehnya menyatakan segalanya ini dibuat berdasarkan obsesi politik mereka yang amat sayangkan tokoh atau kumpulan yang didedahkan keburukan itu. Soalnya jujur dan ikhlaskah mereka?

Cuba perhatikan prakata Sayuti Omar dalam bukunya, *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*:

...Niat saya adalah ikhlas. Sebagai seorang warga negara dan sekaligus "peminat" kepada Anwar, saya berasa bertanggungjawab untuk menulis mengenai diri Anwar secara rasional dan realistik. Rasa ini didorong oleh responsibiliti dan hubungan saya selaku rakyat dengan Anwar Ibrahim yang bercita-cita dan semangat Islam... Terus terang saya katakan, sebagai rakyat saya begitu mengagumi Anwar dan saya percaya anda juga demikian, amat mengharapkan Anwar akan mendapat kuasa penuh dan memimpin kita suatu hari nanti. Sebenarnya kita tidak ada pilihan lain untuk diangkat menjadi pemimpin kecuali Anwar. Visi, semangat dan sifat kepimpinan beliau amat sesuai dan serasi dengan Melayu yang menganut Islam...

Menceritakan pengalaman beliau sebagai penulis "buku kilat" yang diberi judul *Isu Raja dan Pindaan Perlembagaan*, (1993) Dr. Syed Husin Ali, pengurus Parti Rakyat Malaysia (PRM) menyebutkan bahawa buku berkenaan telah ditulisnya dalam masa lima hari, membuat semakan dalam masa dua hari sementara proses percetakannya memakan masa selama empat hari. Ertinya dalam masa sebelas hari, bekas Profesor dalam bidang Sosiologi di Universiti Malaya ini telah dapat menyiapkan sebuah penerbitan popular. Sedangkan beliau pernah menyiapkan sebuah buku ilmiah dalam masa antara enam bulan hingga setahun (*Media Islam*, 31 Januari 1993). Oleh sebab itu pindaan perlembagaan serta imuniti raja-raja yang dibincangkan itu amat hangat dan mendapat perhatian pada ketika itu, karya beliau telah diulang cetak dalam tempoh tidak sampai tiga bulan kemudiannya.

Segalanya ini memperlihatkan bahawa penulisan dan penerbitan buku-buku politik popular ini tidak sahaja perlu disiapkan dalam masa yang singkat dan "kena" pada masa sesuatu isu politik itu sedang hangat menjadi bualan ramai. Ia juga sebenarnya tidak juga memerlukan taraf kelulusan ilmu yang mendalam dalam aspek Sains Politik. Bukan itu sahaja. Malahan penulis secara sedar pula menulisnya atas kepentingan komersil, sebagai suatu

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR

urusan perniagaan yang lazim. Hal ini dapat diperhatikan daripada kumpulan sasaran yang menjadi bakal pembeli dan pembaca karya-karya berkenaan, misalnya kalangan perwakilan parti, ahli parti, aktivis dan peminat-peminat politik kepartian itu sendiri.

Dalam hubungan ini, hakikat dan tendensi wujudnya “ketelusan watak dan peristiwa” dalam penulisan buku-buku popular ini, sebagaimana yang telah disentuh di atas, wajar juga diberikan perhatian saksama. Memang benar tidak ada yang cuba-cuba disembunyikan baik yang berkenaan dengan tokoh besar ataupun pemimpin kecil. Walau bagaimanapun, ada kalanya ia menjadi keterlaluan, berlebihan dan terlalu telus (Zakry Abadi, 1989) sehingga menimbulkan pula keraguan dan menyebabkan penulisan itu seluruhnya dilabelkan sebagai suatu propaganda politik murahan, bukan sekadar gimik politik yang lazim. Gaya dan pemerihalan yang dibuat oleh Yahaya Ismail ,melalui buku kecilnya, *Skandal Politik Wan Mokhtar di Terengganu* (1990) kyonnya bertujuan membongkar berbagai-bagai kes penyelewengan dan kemungkaran perancangan dan pelaksanaan beberapa projek sosio ekonomi kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad sebagai misalannya dikira agak keterlaluan, terbabas dan “mengandungi tohmannan yang keterlaluan” oleh rakan penulis popular yang lain (Fahmy, 1990).

Demikian juga misalnya beberapa karya Tarmizi Mohamad Jam yang boleh dikira satu-satunya penulis yang “mewakili” kalangan dan kepentingan PAS. Secara konsisten melalui buku-buku popularnya, *Kelantan: Mampukah Ulama Mentadbir?* (1991), *Terengganu Selepas Kelantan: Teori Domino 1994* (1992), *Menanti Hudud di Kelantan* (1992) serta *Kelantan Digugat dan Digigit* (1993) dan *Mengapa Sultan Kelantan Ditentang?* (1993), masih memperlihatkan obsesi politiknya yang berpihak kepada PAS, dan ini sekaligus bererti banyak memerihalkan perkara-perkara yang kurang disenangi oleh parti-parti lawan PAS, khususnya UMNO. Dalam keadaan demikian, penulis seperti beliau mudah sekali akan dilabelkan oleh orang lain, termasuk oleh para pemimpin, sebagai “penulis upahan” itu, walaupun beliau barangkali mempunyai hasrat dan nawaitu yang cukup murni dalam mengusahakan penyuaran obsesi politiknya itu.

Dalam pada itu, sungguhpun jangkauan dan isu yang dibincangkan oleh Syed Hussein Al-Attas Al-Nujum melalui buku popularnya, *Memo Kepada Perdana Menteri* (Feb. 1992) adalah berbagai-bagai sehingga sukar untuk memastikan fokus perbincangannya secara spesifik lagi ilmiah itu, namun memonya kepada Dr. Mahathir, yang menjadi bab (?) pertama dalam buku berkenaan cukup menarik untuk diberikan perhatian. Dalam memo ini, Syed Hussein telah mempersoalkan kebijaksanaan tindakan kerajaan membatalkan permit penerbitan akhbar *Mingguan Waktu* pada akhir tahun 1991. Pembatalan izin terbit mingguan tabloid yang sempat bernafas sekitar 22 minggu ini telah dibuat dengan alasan ia tidak memberikan apa-apa sumbangan pada pembinaan negara adalah dikira sesuatu yang mengecewakan.

Peringatan beliau dalam isu ini dalam konteks kepimpinan Dr. Mahathir sendiri, bagi banyak pihak, mampaknya “relevan”, sementelah pula beliau telah menunjukkan betapa banyaknya dewasa itu penerbitan majalah yang mengancam moral anak-anak muda dengan memaparkan gambar dan berita-berita mungkar yang melibatkan pendedahan aurat, cerita-cerita sensasi dan seumpamanya itu. Salah satu ayat yang cukup bermakna dalam memo ini menyebutkan betapa: ...Penulis tidak boleh dianaktirikan dalam kesibukan kita mendampingi para usahawan dan pelabur, kerana cita-cita dan maruah bangsa tidak boleh dicapai dengan kekuatan ekonomi sahaja...(hal.19).

Kesimpulan dan Penutup

Beberapa aspek yang diberi perhatian dalam membincangkan gejala kebanjiran penerbitan buku-buku politik popular ini memperlihatkan bahawa kegiatan menulis dan menerbitkan buku-buku popular ini bukan sahaja terbuka, tidak memerlukan kelulusan dan keilmuan yang tinggi pada para penulisnya, bahkan juga ia sudah mencapai tahap komersil yang sebanding dengan kebanyakan kegiatan perniagaan yang lain. Sesiapun nampaknya boleh menjadi penulis yang prolifik dalam berkarya. Tetapi barangkali segalanya ini juga banyak bergantung pada pengalaman. Ini menjadi satu *passport* yang cukup penting untuk membentuk diri mereka sebagai penulis sehingga sebilangan mereka seolah-olah berkedudukan sebagai *celebrity* yang didakwa mempunyai kumpulan sasaran atau “peminat” masing-masing. Barangkali dalam keadaan begini, label penulis upahan itu tidak relevan dan tidak perlu dipertikaikan lagi, tetapi “upahan” itu bolch diterjemahkan dalam risiko obsesi serta risiko komersil serta untung-rugi yang diperoleh daripada hasil jualan buku-buku itu sendiri.

Pernyataan ini mungkin boleh dilihat daripada sikap dan hasrat para penulis buku-buku itu sendiri. Sebagai misalnya pengakuan seorang sarjana seperti Dr. Syed Husin Ali, yang akhir-akhirnya turut beminat dan terlibat dalam penulisan begini betapa beliau menyiapkan segera karyanya itu, ... (*i.e. sebelum Parliment bersidang dalam bulan Mac, sic.*), sebagai sumbangan saya untuk menimbulkan pemahaman serta kesedaran yang lebih luas di kalangan rakyat mengenai isu ini... jelas membayangkan secara terhormat, bahawa penulisan popular ini sesungguhnya sarat dengan obsesi, pandangan, pengamatan, pentafsiran serta pendapat sang penulisnya sendiri, yang seringkali berkeadaan tidak objektif dan tidak saintifik. Perkara-perkara begini boleh menyebabkan timbulnya label “penulisan popular” itu, dan dengan demikian, ia dengan sendirinya menjadi berbeza daripada ciri-ciri penulisan ilmiah dan akademik yang lazimnya.

Rujukan

- A. Rahman Zainuddin. 1989. “Machiavelli dan Kekuasaan: Peranan Obsesi dalam Pemikiran Politik” *Jurnal Ilmu Politik* No. 4, terbitan Asosiasi Ilmu Politik Indonesia dan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) dan Penerbit PT Gramedia, Jakarta, 1989.
- Ahmad Sayuti Omar. 1991. *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*. 1991.
- _____. 1991. “Banteras Penyelewengan: Anwar Hadapi Risiko”. *Mingguan Waktu*, 20 Okt.
- Arabi Idid, Syed. 1994. *Penentuan Agenda: Peranan Media Massa dalam Pilihanraya Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azeem Aras. “Penulis Upahan - Di mana Silapnya?”. *Media Islam*, 18 April.
- Chandra Muzaffar. 1989. “The Muzzled Media”, dalam *Challenges and Choice in Malaysian Politics and Society*, Penang: Aliran Publications.
- Daud Ibrahim 1991. *UMNO - PAS: Realiti & Maruah Wartawan Politik*, Kuala Lumpur: DIE.
- De Souza, Mrk. 1995. “Me and My Big Mouth”. *The Sun Magazine*. 18 Jan.
- Fahmy Yusuf. 1990. “Buku Yahaya Ismail benar-benar terbabas”, *Mingguan Kota*. 10 Jun.
- Husin Ali, S. 1993. *Isu Raja dan Pindaan Perlembagaan*, P. Jaya.

BUKU-BUKU POLITIK POPULAR MUTAKHIR

- Hussain Mohamed. 1993. *Politik Melayu Masa Kini: Beberapa Isu dan Permasalahan Dalam Penulisan Popularnya*, Kertas Titian, Bil. 1, Akademik Peng. Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- _____. "Pilihanraya Umum 1990: Budaya Politik Masyarakat Melayu Kelantan", (disiapkan 1993) untuk penerbitan *Sarjana*, (terbitan 1993/94).
- Kua Kia Soong (ed.). 1990. *Media Watch: The Use and Abuse of the Malaysian Press*. K. Lumpur: The Resource & Research Centre, Selangor Chinese Assembly Hall.
- Mat Zaman. 1991. "Penulis-penulis Hantu Ancam Dunia Penerbitan", *Mingguan Waktu*, 4 Ogos.
- Muhammad Kamlin. 1986. *Pengantar Pemikiran Politik Barat*. Bangi. Penerbit UKM.
- Passin, Herbert. 1963. "Writer and Journalist in the Transitional Societies" dlm. Lucian W. Pye (ed.). *Communications and Political Development*. Princeton: N. Jersey.
- Petersen, Seteven A. 1990. *Political Behavior: Patterns in Everyday Life*. London: Sage Publications.
- Reeves, Geoffrey. 1993. *Communications and the "Third World"*. London: Routledge.
- Supardi M. Noor. 1990. "Tulisan Yahaya Ismail Dipengaruhi Sentimen Rasa Kecewa" *Mingguan Kota*, 11 Feb.
- Syed Hussein Alattas (Al-Nujum). 1992. *Memo kepada Perdana Menteri*. Kuala Lumpur: Al-Suhaimi.
- Tarmizi Mohd. Jam. 1993. *Mengapa Sultan Kelantan Ditentang?* . Kuala Lumpur: Pengeluaran Minda.
- Yahaya Ismail. 1994. *Revolusi Mental Mahathir*. Petaling Jaya: Usaha Teguh.
- Zainuddin Maidin. 1994. *Mahathir: Di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Zakry Abadi. 1989. "S. H. Al-attas guna pena kritik tokoh-tokoh politik".*Mingguan Kota*. 20 & 28 Ogos.
- _____. 1991. "Penulis Upahan - Satu Perspektif". *Mingguan Waktu*. 3 Nov.